

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : -

SOALAN

Dr Che Rosli bin Che Mat minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pembangunan yang dicapai oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam pembinaan talian voltan tinggi dari Taman Connaught melalui Taman Cheras Hartamas ke Bandar Mahkota Cheras memandangkan banyak protes dari penduduk tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah membangunkan talian voltan tinggi 275/372kV dari Taman Connaught melalui Taman Cheras Hartamas ke Bandar Mahkota Cheras bertujuan untuk menyalurkan bekalan elektrik kepada Loji Rawatan Air Langat 2 dan projek *Mass Rapid Transit* (MRT), dengan izin. Pembinaan projek ini telah diluluskan berdasarkan jajaran talian yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 13 Ogos 2014.

2. Bagi menangani masalah bantahan daripada penduduk tempatan, TNB telah mendapatkan Perintah Injuksi daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 Ogos 2016 untuk menghalang mana-mana pihak daripada berkumpul, memasuki dan membuat demonstrasi di sekitar kawasan dan tapak projek. Perintah injuksi ini telah membantu TNB melaksanakan perojek ini dengan lancar.

3. Status pelaksanaan projek ini hingga Oktober 2016 adalah 78% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan Disember 2016.

SOALAN (406)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

SOALAN :-

Y.B. Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membenarkan pinjaman kewangan oleh syarikat pemaju kepada pembeli dan sekiranya benar, jelaskan kenapa ia dibenarkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, polisi ini telah lama wujud dan 54 Syarikat Pemaju Perumahan telahpun diberi lesen pemberi pinjam wang untuk membiayai pinjaman sebagai 'bridging' kepada bayaran muka (deposit) pembelian rumah.

Mekanisma ini sebenarnya adalah satu daripada alternatif Kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan sumber pembiayaan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 [Akta 400] di bawah seliaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Perkara ini telah di bawa ke dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah memutuskan untuk mengkaji dan menambahbaik polisi ini terutama dari segi:

- Keberkesanan polisi dalam membantu rakyat untuk membiayai pembelian rumah;
- Kadar faedah dan tempoh pembayaran balik supaya tidak membebankan rakyat; dan
- Garis panduan yang jelas dan mudah difahami oleh kedua-dua syarikat pemegang lesen pemberi pinjam wang dan juga peminjam.

Pihak Kementerian telah mengambil tindakan proaktif dan melihat secara keseluruhan keberkesanan fasiliti pembiayaan wang di bawah peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 [Akta 400] supaya tidak disalahgunakan oleh pemegang lesen yang tidak bertanggungjawab.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI KHALID BIN
DARIPADA ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan proses pemilihan syarikat keselamatan untuk sekolah-sekolah dan sama ada ia memastikan pengawal-pengawal keselamatan di sekolah adalah kompeten dan bertanggungjawab.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan beberapa kriteria dalam pemilihan syarikat kawalan keselamatan di sekolah-sekolah. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

1. Syarikat perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di bawah Kepala dan Sub-Kepala 220801 (Kawalan Keselamatan) yang masih sah dan berkuatkuasa;

2. Syarikat mempunyai Sijil dan Lesen (Borang B) Menjalankan Urusan Agensi Persendirian dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang sah dan masih berkuat kuasa;
3. Syarikat mempunyai pengawal keselamatan yang telah mendapat sijil *Certified Security Guards* (CSG) yang dianjurkan oleh KDN; dan
4. Syarikat tidak mempunyai rekod / prestasi buruk (surat amaran terakhir) dari KDN atau agensi kerajaan yang lain.

Syarikat kawalan keselamatan yang telah dilantik wajib mematuhi syarat-syarat berikut dalam melantik pengawal keselamatan syarikat:

1. Syarikat perlu mendapatkan khidmat Pengawal Keselamatan warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun sepanjang tempoh perjanjian;
2. Syarikat perlu mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan yang dijalankan setiap tahun bagi Pengawal Keselamatan yang berumur di antara 55 tahun sehingga 60 tahun mengesahkan bahawa pengawal-pengawal ini disahkan sihat untuk bekerja;
3. Syarikat perlu mengemukakan salinan Sijil Lulus Tapisan Keselamatan bagi setiap Pengawal Keselamatan yang dibekalkan;
4. Syarikat perlu memastikan Pengawal Keselamatan yang dilantik wajib lulus ujian air kencing dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh lantikan bagi setiap pengawal. Pengawal yang didapati tidak lulus ujian air kencing dalam tempoh yang ditetapkan tidak dibenarkan berkhidmat dan perlu digantikan dengan pengawal lain dengan serta merta; dan

5. Syarikat perlu memastikan Pengawal Keselamatan sentiasa berdisiplin serta mematuhi pemakaian pakaian seragam yang ditetapkan dalam pekeliling, peraturan dan arahan KDN yang berkuat kuasa.